



JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA (JPPM)

PENGENALAN KEPADA CO-DETERMINATION DI MALAYSIA

BAB 10: MEMBANGUNKAN BAKAT MASA HADAPAN

Bidang Keutamaan A

Menjajarkan Semula Pasaran Buruh untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan

Strategi A1

Meningkatkan Kesaksamaan Pampasan Pekerja dan
Penyertaan Tenaga Buruh

Strategi A2

Memperkuuh Sistem yang Menyokong Pasaran Buruh



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA


Kaedah **penetapan bersama (co-determination)** diperkenalkan untuk memupuk penglibatan wakil pekerja dan majikan secara bersama pada peringkat membuat keputusan. Langkah ini akan membolehkan penyertaan dan libat urus yang lebih baik antara pekerja dan majikan.



Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)
Kementerian Sumber Manusia (KSM)



PELAN TINDAKAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN NASIONAL
(PETIK)





→ IHI NASIONAL
2022
IMPAK PANDEMIK
COVID-19 TERHADAP
KEHARMONIAN
PERUSAHAAN

IHI NASIONAL 2022 2022 VS 2020



IHI NASIONAL 2022

DAPATAN IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KEHARMONIAN PERUSAHAAN

- Ketika berlakunya pandemik, komunikasi di antara majikan dengan pekerja adalah lebih meluas, segera dan berterusan merangkumi pelbagai saluran formal/tidak formal yang merangkumi town-hall, perbincangan bersama wakil pekerja dan penggunaan medium media sosial.
- Selain itu majikan telah mengambil kira kekangan semasa pandemik dengan melaksanakan sistem kerja berbentuk hibrid, dalam masa yang sama turut mengamalkan polisi dan Standard Operation Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan.
- Majikan dilihat lebih prihatin dan bertolak-ansur untuk melindungi kebajikan pekerja dan keseimbangan kehidupan-pekerjaan (work-life balance) tanpa hanya mementingkan keuntungan semata-mata.
- Kerjasama erat, saling berkomunikasi dan berganding bahu dilihat kritikal dalam menghadapi kesan krisis kesihatan. Hubungan pekerja dan majikan bertambah baik bagi mengekalkan kelangsungan kehidupan, pekerjaan dan syarikat.



IHI NASIONAL 2022

DAPATAN IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KEHARMONIAN PERUSAHAAN

- Ini menunjukkan bahawa elemen-elemen co-determination telahpun dipupuk secara tidak sedar di dalam syarikat semasa pandemik.
- Oleh itu, JPPM perlu mengenalpasti dan menggalakkan majikan berkongsi amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan untuk meneruskan kelangsungan sesebuah syarikat semasa pandemik kepada pihak industri yang lain.
- Kebanyakan amalan terbaik ini juga masih sesuai untuk terus diamalkan walaupun sudah memasuki tempoh pasca pandemik.
- Dapatan kajian FGD menunjukkan penetapan keputusan mengenai aturan kerja, pengurangan waktu kerja dan kerja lebih masa serta penetapan faedah dalam pembuatan keputusan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa elemen co-determination yang diamalkan supaya perundingan dan perbincangan dapat dicapai untuk kebaikan bersama.



IHI NASIONAL 2022

DAPATAN IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KEHARMONIAN PERUSAHAAN

- Pandemik juga telah membawa kepada perubahan paradigma yang baharu kepada perniagaan di Malaysia dan dunia hari ini. Cabaran untuk mengekalkan pekerja mahir banyak dipengaruhi oleh pendekatan yang dilaksanakan oleh syarikat, kerana pandangan pekerja terhadap syarikat yang mengambil kira kebijakan pekerja adalah perkara positif yang dapat dikaitkan dengan peningkatan produktiviti serta tahap pengekalan (retention) yang lebih baik.
- Syarikat mestilah bersedia untuk berubah dan mulai sekarang telah mempunyai polisi yang bersesuaian dalam menghadapi apa juga keadaan VUCA - *Volatile* (tidak stabil), *Uncertain* (tidak menentu), *Complex* (rumit) dan *Ambiguous* (samar-samar) di masa hadapan.
- Pengalaman berdepan dengan keadaan sukar semasa PKP sewajarnya dapat menjadikan syarikat lebih bersedia untuk terus mengamalkan bukan sahaja terhad kepada polisi bekerja daripada rumah, malah mempunyai perancangan jangka panjang yang lebih dinamik sesuai untuk semua keadaan normal atau sebaliknya.

CO-DETERMINATION DI JERMAN



Co-determination adalah satu amalan yang mana pihak majikan bekerjasama dengan pekerja dalam membuat keputusan berkaitan dengan isu-isu di tempat kerja mereka, dan wakil pekerja juga boleh mengundi untuk membuat keputusan bersama.

CO-DETERMINATION DI MALAYSIA



Co-determination adalah kolaborasi pihak majikan dan pekerja untuk membuat keputusan secara bersama melalui platform formal atau tidak formal dalam sebuah organisasi.

KEPENTINGAN CO-DETERMINATION

MENGURANGKAN KONFLIK
ANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA DI TEMPAT KERJA



MEMUPUK HUBUNGAN YANG BAIK
ANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA



MEMUDAHKAN PROSES
PEMBUATAN KEPUTUSAN
MELALUI HUBUNGAN YANG HARMONI DI
DALAM ORGANISASI

MENGEKALKAN KEHARMONIAN PERUSAHAAN
SEMASA PELAKSANAAN PERUBAHAN ORGANISASI




PLATFORM	
FORMAL	TIDAK FORMAL
Perundingan Kolektif (Collective Bargaining)	Sesi Townhall/ Perhimpunan Bulanan/ Coffee Talk/ Luncheon Talk / Tea Talk / Morning Briefing / Focus Group Discussion (FGD) dan lain-lain
Konsultatif Bersama Contoh: penubuhan Majlis/Mesyuarat Bersama Pengurusan/Pasukan	Jawatankuasa (Tidak Berkaitan Operasi Syarikat) Contoh: Annual Dinner, Hari Keluarga, Hari Sukan, Corporate Social Responsibility (CSR), Internal Corporate Social Responsibility (ICSR) dan lain-lain
Kelab Berdaftar Di Bawah Registrar of Societies (ROS)	Jawatankuasa (Berkaitan Operasi Syarikat) Contoh: Roundtable On Sustainable Palm Oil (RSPO), Occupational Safety and Health Act (OSHA), International Organization for Standardization (ISO)
OUTCOME	
<ul style="list-style-type: none"> • Menerapkan budaya berkolaborasi • Mencapai keputusan secara bersama • Memupuk persefahaman di antara majikan dan pekerja seterusnya menyumbang kepada keharmonian di tempat kerja 	



5K

TERAS

VERSI MALAYSIA
CO-DETERMINATION
UNTUK MENGEKALKAN
KEHARMONIAN
PERUSAHAAN SEMASA
PELAKSANAAN
PERUBAHAN ORGANISASI



K ESEFAHAMAN
(UNDERSTANDING)



K EBERSAMAAN
(TOGETHERNESS)




K EKITAAN
(SENSE OF BELONGING)

K EPERCAYAAN
(TRUST)

K ETELUSAN
(TRANSPARENCY)



MEDIA SOSIAL JPPM



Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)

Sambutan Jubli Emas

JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)

Message Following Search


Situasi VUCA (Strategies in Addressing VUCA Situations) iii. Penilaian Kendiri IHI Di Peringkat Organisasi (IHI Self Assessment in the Organisation)

LAPORAN AKHIR NATIONAL INDUSTRIAL HARMONY INDEX (IHI)

INDUSTRIAL HARMONY INDEX (IHI)

Industrial Harmony Index I.H.I

Pengenalan kepada Co-determination di Malaysia





**SILA
IMBAS
UNTUK
MENDAPATKAN
SALINAN SLAID**

